



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

---

**6 OKTOBER 2021 (RABU)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**6 OKTOBER 2021 (RABU)**

# Harga barang isu sepanjang

## zaman



Oleh WAI TEE

PENULIS BEBAS

**H**arga barang keperluan akan terus menjadi isu yang menghantui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Negeri (KPDNHEP), menteri dan pegawai-pegawainya saban tahun.

Harga barang asas seperti ayam, telur, bawang, ikan rakyat seperti kembung dan selar serta sayur-sayuran seperti kobis, sawi dan tomato merupakan barang keperluan yang sangat dekat di hati pengguna.

Ayam dan telur pula adalah sumber protein yang termurah untuk golongan B40 dan keluarga muda M40. Sedikit perubahan pada harga, pasti akan menggegarkan ruang komen pengguna di media sosial.

Fokus utama sudah tentu akan tertumpu kepada kerajaan kerana rakyat menuntut penyelesaian agar rakyat marhaen tidak terus terbeban dengan kesan kenaikan tersebut.

### Petrol naik barang naik

Apakah itu mitos, harga barang akan turut naik bila harga minyak naik. Apabila minyak mentah naik melebihi USD100 setong satu ketika dulu, semua harga barang naik termasuk air suam dan teh tarik. Tapi bila harga minyak turun sekitar USD60 setong tak pula harga barang turun!

Ketika PKP tahun 2020, minyak men-

tah dunia merudum sehingga USD35 setong dan harga RON95 dan diesel turun serendah RM1.25 seliter, harga barang tetap pada harga ketika petrol mencanak.

Mitos sudah jadi kepercayaan! Ia akan digunakan oleh mereka yang berkepentingan untuk naikan harga barang. Benarlah bidalan orang tua-tua, "hanya hujan sahaja yang turun, lain semua naik".

Setiap barang mempunyai komponen untuk menghasilkan atau mengeluarkan sesuatu barang keperluan. Ini adalah pemahaman asas ekonomi yang mesti diterima oleh semua pengguna.

Ikan untuk sampai ke pasar memerlukan nelayan, kapal/bot dan peralatan menangkap ikan. Kapal memerlukan diesel untuk ke laut. Itu semua kos. Sebab itu kerajaan beri subsidi diesel, walaupun ada nelayan yang menyalahgunakannya dengan menjual kepada nelayan asing untuk keuntungan segera.

Sayur-sayuran memerlukan tanah, benih, racun dan baja. Ada pula memerlukan rumah hijau untuk memastikan kualiti terjamin sepanjang tahun. Belum termasuk lagi air, elektrik dan teknologi hidroponik dan fertigasi.

Dalam pengeluaran ayam dan telur pula, kos reban, baka ayam, ubat-ubatan, vitamin dan makanan ayam adalah antara komponen yang terpenting.

### KITARAN PENTERNAKAN INTEGRASI AYAM DAGING



Semua itu adalah komponen kos yang menentukan harga kepada peniaga dan akhirnya kepada pengguna.

Harga segelas teh tarik mengambil kira kos air, gas memasak, teh, susu, gula, gaji pekerja dan sewa kedai.

### Upah, gaji, pengangkutan

Satu komponen kos yang mesti ada dalam setiap industri adalah pekerja - mahir dan kurang mahir. Barang keperluan tidak dapat dihasilkan dan dipasarkan tanpa pekerja seperti nelayan, pekerja kebun, pekerja kilang, pekerja ladang ayam, tukang masak dan pekerja yang berkaitan.

Semua pekerja memerlukan upah atau gaji. Gaji itulah yang akan digunakan untuk

kelangsungan hidup. Kalau orang yang makan gaji dalam industri perkhidmatan mengharap gaji mereka dinaikkan setiap tahun, begitulah juga pekerja di laut, ladang dan kilang.

Semakin ramai pekerja mahir, semakin tinggi komponen upah yang akan dimasukkan ke dalam kos pengeluaran yang kemudiannya diterjemahkan kepada harga jualan yang harus dibayar oleh pengguna.

Satu lagi komponen utama adalah kos pengangkutan dari pusat pengeluaran ke pusat penjualan dan di sinilah harga petrol dan diesel mempengaruhi harga di pasaran.

Kos akan meningkat jika bahan mentah, peralatan, bahan makanan ternakan, vitamin dan ubat-ubatan adalah daripada sumber import. Bekalan yang berkurangan

**Cuaca dan penyakit turut mempengaruhi harga jualan. Musim tengkujuh akan mengurangkan bekalan hasil laut yang memberi kesan kepada harga kerana nelayan tidak dapat turun ke laut."**

dalam dunia dan tukaran mata wang asing boleh memberi kesan kepada harga bahan mentah.

Kes bekalan dan harga soya dan jagung yang digunakan dalam makanan ayam, vitamin dan ubat-ubatan yang meningkat baru-baru ini merupakan kes klasik bagaimana bahan mentah boleh memberi kesan kepada harga ayam di pasaran yang terpaksa ditanggung oleh pengguna.

Cuaca dan penyakit turut mempengaruhi harga jualan. Musim tengkujuh akan mengurangkan bekalan hasil laut yang memberi kesan kepada harga kerana nelayan tidak dapat turun ke laut.

Banjir yang melanda India menyebabkan bekalan import bawang terganggu. Begitu juga banjir di Pahang yang menyebabkan hasil ternakan patin terganggu boleh meningkatkan harga.

Musim hujan dan sejuk yang mempengaruhi hasil tanaman dan pembesaran ayam juga akan memberi kesan kepada bekalan yang kemudiannya mempengaruhi harga jualan.

#### **Harga kawalan**

Semasa berlaku kenaikan harga ayam baru-baru ini, ramai pengguna meminta supaya kerajaan menjadikan ayam barang kawalan dengan harga dikawal pada tahap tertentu.

Itu adalah jalan pintas tanpa memikirkan kesan jangka panjang. Kawalan harga mungkin bagus untuk pengguna tetapi tidak untuk industri dan negara.

Industri boleh lumpuh jika pengusaha mendapati keuntungan mereka dihadkan. Malah mereka boleh sahaja mengeksport produk atau pindah operasi ke negara lain. Kawalan harga juga boleh meningkatkan kes penyeludupan. Akhirnya negara mengalami kerugian dan hilang pendapatan serta rakyat hilang pekerjaan.

Harga barang dalam pasaran bebas ditentukan berdasarkan penawaran (bekalan) dan permintaan. Semua peniaga dan pengusaha juga adalah pengguna.

Mereka mungkin penjual ayam tetapi mereka adalah pengguna beras, sayur dan barang keperluan lain. Kenaikan harga yang keterlaluan mungkin dilihat menguntungkan kepada sekelompok peniaga tetapi sebenarnya mereka juga terpaksa membayar lebih untuk barangan lain.

Pasaran mestilah dibiarkan untuk menyelaras harga barangan dalam pasaran. Kenaikan selalunya bersifat sementara dan bila bekalan kembali pulih atau permintaan berkurangan disebabkan pengguna beralih produk alternatif akan menyelaraskan harga di pasaran.

#### **Peranan pengguna**

Pengguna memainkan peranan besar dalam mempengaruhi pasaran dan harga. Ketaksuban pengguna kepada sesuatu jenama, barang dan premis boleh menyebabkan harga dieksploitasi oleh sebuah jenama dan premis.

Pengguna sebenarnya memiliki banyak pilihan dan seharusnya melaksanakan hak mutlak mereka mengeksplorasi setiap alternatif yang ada demi kebaikan diri dan ekonomi mereka.

Akan ada situasi di mana pengguna harus mengurangkan cita rasa sehingga keadaan kembali normal. Sedikit pengorbanan demi kebaikan jangka panjang adalah penyelesaian sementara yang diperlukan.

Pilihan boleh dalam bentuk barang yang serupa tetapi jenama yang lain atau membeli di premis lain.

Pengguna harus fleksibel dan tidak mementingkan cara mereka sahaja. Amat ironi bila pengguna rela menjadi pejuang kepada peniaga yang berkeras mengekalkan margin keuntungan mereka.

Yang kita perlukan bukan harga kawalan, tetapi harga terkawal yang menguntungkan pengguna dan semua rantaian bekalan.

Selagi pengguna tidak mahu memahami dan sesuaikan cita rasa dalam situasi yang memerlukan, isu harga barang akan sentiasa berulang walau kerajaan bertukar tiap tahun jika pengguna dan peniaga tidak bekerjasama. Itulah pengalaman penulis yang telah melalui perubahan kerajaan beberapa kali sejak 2018.

# Pendekatan teliti tangani kenaikan harga ayam

Oleh Hazelinda Harun  
bhrencana@bh.com.my

Isu kenaikan harga ayam seperti tidak ada jalan penyelesaiannya. Terbaru, perangkaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) merekodkan harga runcit ayam proses standard melepasi paras RM19.

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mengesahkan ia tertinggi dibandingkan tujuh tahun sebelum ini.

Impak kenaikan harga ayam sangat besar seperti peningkatan harga barang asas lain seperti minyak dan gula. Impak kenaikan ini pula berantai yang pada akhir rantaian itu, kesannya adalah kepada pengguna.

Sebelum melaksanakan langkah mencegah harga ayam daripada terus meningkat, tentulah punca kenaikan terlebih dahulu perlu dikenal pasti. Langkah pencegahan kenaikan harga tidaklah semudah difikirkan, sebaliknya mesti mengambil kira kebajikan kedua-dua penggerak ekonomi sama ada di sebelah permintaan mahupun penawaran dalam pasaran.

Di sebelah permintaan, sudah pasti faktor utama dikaitkan kenaikan harga disebabkan perubahan ke-  
lompok permintaan di sebelah kanan (penawaran).  
Pembukaan semula sektor ekonomi misalnya restoran untuk 'dine in' dalam fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) bagi merencanakan semula ekonomi, pasti disusuli permintaan mendadak terhadap bekalan ayam.

Mekanisme permintaan dan penawaran tidak

sempat membuat pelarasan dalam jangka pendek, sekali gus mendorong pihak tidak bertanggungjawab sengaja memanipulasikan harga.

Sebenarnya, banyak lagi faktor menganjak keluk permintaan ke sebelah kanan dan mendorong kenaikan harga. Misalnya ayam memang selalu menjadi pilihan masyarakat memandangkan harganya relatif lebih murah dibandingkan daging lain, misalnya daging lembu dalam pasaran.

Daging ayam juga mudah dimasak dan gaya hidup ke arah lebih sihat juga mempengaruhi kecenderungan pengguna dengan alasan menjaga kesihatan dan selesa beralih daripada daging merah kepada daging ayam.

Jika punca kenaikan disebabkan pengeluaran atau peniaga memanipulasikan harga, pelaksanaan kawalan harga dengan menetapkan harga siling bagi ayam perlu dilaksanakan sepanjang masa. Ia lebih mudah berbanding sekadar menunggu musim

perayaan saja seperti Skim Harga Maksimum Musim Perayaan.

Namun apa akan berlaku jika kenaikan itu sebenarnya juga membabitkan faktor sebelah penawaran. Pelaksanaan kawalan harga ini akan memulihkan di sebelah pengguna, tetapi menjadi beban di sebelah pengeluaran.

Di sebelah penawaran, menurut kenyataan dikeluarkan Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM), kenaikan harga ayam ini berpunca peningkatan kos operasi dan pengeluaran akibat wabak COVID-19 menjejaskan rantaian bekalan ayam.

Peningkatan kos dedak ayam diimport, harga bak ayam dan anak ayam, kos kesukaran mendapatkan pekerja asing serta pengeluaran terpaksa mengupah warga tempatan dengan upah lebih mahal, semua ini mendorong kenaikan harga.

Pelaksanaan langkah kenaikan harga perlu disemak dengan teliti supaya kedua-dua pihak - pengguna mahupun pengeluaran - menang dalam percaturan ini.

Perlu diteliti, pihak manakah menerima lebih impak daripada kenaikan harga itu, selain adakah kos pengeluaran ayam ditanggung pengguna setera kenaikan harga runcit ditanggung pengguna.

Mungkin juga terdapat punca lain misalnya sistem maklumat harga belum cukup 'terkini' atau tindakan pemantauan belum menyeluruh.

Apapun, punca penyelesaian diguna pakai mestilah seperti menarik rambut dalam tepung, rambut jangam putus dan tepung pula jangan berseterak. Penyelesaian perlu datang daripada setiap penjurru kerana meletakkan kesalahan pada satu pihak sahaja tidak akan menyelesaikan masalah.



Pensyarah Kanan di Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Melaka





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(AGENSI)**

---

---

**6 OKTOBER 2021 (RABU)**

## MyCC teliti sama ada wujud kartel atau tidak

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) akan menggunakan kuasanya sebagai agensi penguat kuasa untuk menentukan sama ada wujud kartel dalam ekosistem logistik pelabuhan dan waranti kenderaan bermotor, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

Beliau berkata, MyCC akan meneliti tingkah laku anti-persaingan berkaitan caj tahnah, caj perkapalan, caj depot (DGC) dan faktor penyediaan bahan bakar seperti yang disyorkan dalam Kajian Semula Pasaran Sektor Pelabuan dan Waranti Kenderaan Bermotor) di bawah Akta Persaingan 2010 yang dikeluarkan, semalam.

"Perjanjian konsesi untuk operator pelabuhan juga dapat dikaji bagi mencapai peralihan dasar dalam memastikan persaingan di pasaran yang relevan," katanya pada sidang

media di sini, semalam.

Nanta berkata, wujud juga keperluan untuk memperbetulkan isu membabitkan pengawalseliaan dan yang didorong oleh pasaran berkaitan prosedur kastam, kerangka peraturan, penyergaman dan pelesenan pengamat *off-dock* dan *on-dock* serta memperkukuhkan kawalan penggabungan dan pengambilalihan.

Beliau berkata, MyCC juga akan menguatkuasakan dalam menentukan sama ada urusniaga oleh pengeluar kereta dalam industri pembalakan menimbulkan isu persaingan.

"MyCC dalam kajian pasarnya juga sudah mendedangkan *Lemon Law* dan menambahkan lain pada proses waranti untuk melindungi kepentingan pembeli kenderaan," katanya.

*Lemon Law* adalah undang-undang untuk mengukuhkan Akta Perlindungan Pengguna.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC Iskandar Ismail berkata, terdapat kemungkinan tingkah laku dan penetapan harga sumbama kartel semasa DGC diperkenalkan dan urus niaga eksklusif antara syarikat perkapalan dan pengendali depot.

"Tingkah laku itu nampaknya wujud ketika pengendali depot bertindak melalui arahan seseorang untuk bersejuru dan menetapkan caj DGC (RM5) semasa pengenalannya.

"Walaupun setiap depot beroperasi di lokasi geografi yang berbeza dan jumlah serata jumlah bersamaan dua puluh kaki (TEU) dan kapasiti yang berbeza, nampaknya

melakukan penyitaan kepada bengkel francais dalam rangkaian pengeluaran kereta.

"Kami juga menemui masalah yang berkaitan dengan perjanjian antara pengeluar kereta dan syarikat insurans yang menyebabkan penyitaan pasaran membaik pulih kereta yang terlibat dalam kemalangan," katanya. - Bernama

trud menaikan caj DGC adalah sama di beberapa pengendali depot," katanya.

Iskandar berkata, di bawah kajian terhadap waranti kenderaan bermotor, MyCC mendapati bahawa sekatan waranti yang dikenakan oleh pengeluar kereta mungkin dapat mencegah atau menyekat persaingan dalam industri membaikan dan servis kereta.

"Klausu pengecualian dalam waranti berpotensi menyebabkan pasaran hanya



**“MyCC dalam kajian pasarnya juga sudah cadangkan Lemon Law Alexander Nanta Linggi”**